



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN SURAT KELULUSAN JAS
MELALUI SISTEM e-Permit**

Disediakan oleh:

**SEKSYEN PERLINDUNGAN OZON
BAHAGIAN UDARA**

2024

ISI KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN.....	2
2.0	KATEGORI DAN JENIS-JENIS KELENGKAPAN ELEKTRIK	3
3.0	SYARAT-SYARAT PERMOHONAN.....	3
4.0	PROSEDUR PERMOHONAN SURAT KELULUSAN.....	4
5.0	PEMBAHARUAN/ PEMBATALAN.....	4
6.0	PROSEDUR MEMPROSES SURAT KELULUSAN MELALUI SISTEM e-PERMIT	5
7.0	CARTA ALIR.....	6
	LAMPIRAN 1	7
	LAMPIRAN 2	8

1.0 PENGENALAN

Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS) sedang melaksanakan Pelan Pengurusan Penghapusan HCFC/ *HCFC Phase-out Management Plan* (HPMP) bagi menghapuskan penggunaan Bahan Pemusnah Ozon (BPO) iaitu hidroklorofluorokarbon (HCFC). HPMP bagi penghapusan penggunaan HCFC telah mula dilaksanakan sejak tahun 2013.

Selaras dengan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 2020 yang telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2020, HCFC disenaraikan dalam Jadual Kedua sebagai bahan refrigeran yang membahayakan alam sekeliling. Peraturan tersebut menyatakan larangan ke atas pengilangan dan pemasangan kelengkapan penyejukbekuan dan penyaman udara yang berdasarkan HCFC untuk kegunaan di Malaysia.

JAS dengan kerjasama Suruhanjaya Tenaga (ST) melaksanakan larangan pengimportan dan pengeluaran ke atas kelengkapan penyejukbekuan dan penyaman udara berdasarkan HCFC melalui integrasi sistem e-Kelengkapan ST dan sistem e-Permit JAS. Semua permohonan Perakuan Kelulusan (COA) sama ada baru atau pembaharuan untuk mengilang, mengimport, menjual, mempamer/ mengiklan, dan permohonan Surat Pelepasan (RL) bagi kelengkapan yang disenaraikan seperti dalam **LAMPIRAN 1** hendaklah mengemukakan Surat Kelulusan JAS bagi tujuan kawalan penggunaan jenis refrigeran.

Objektif pelaksanaan surat kelulusan JAS adalah untuk:

- i. memastikan tiada peralatan/ kelengkapan baharu yang menggunakan HCFC; dan
- ii. mendorong peralihan kepada penggunaan HFC yang rendah GWP selaras dengan matlamat Pindaan Kigali dan komitmen negara dalam menangani isu perubahan iklim.

2.0 KATEGORI DAN JENIS-JENIS KELENGKAPAN ELEKTRIK

Surat Kelulusan JAS dikeluarkan sebagai pra-syarat sebelum dibenarkan untuk memohon Perakuan Kelulusan (COA) atau Surat Pelepasan (RL) daripada ST. Kategori dan jenis-jenis kelengkapan elektrik adalah seperti berikut:

i. Peti Sejuk (*Refrigerator*) N16:

- Peti sejuk (*refrigerator*) N16.01
- Peti sejuk beku (*freezer*) N16.02
- Peti sejuk bar mini (*minibar*) N16.03
- *Chest Freezer* N16.04

ii. Penghawa Dingin (*Air-Conditioner*) N30:

- Penyaman udara jenis pisah (*split type AC*) N30.01
- Penyaman udara mudah alih (*portable AC*) N30.02
- Penyaman udara siling (*ceiling AC*) N30.03

iii. Penapis Air (*Water Filter*) N12:

- Air sejuk N12.17
- Air sejuk dan air panas (sekiranya air panas mendidih) N12.20
- Air sejuk dan air panas (sekiranya air panas tidak mendidih) N12.21
- Air sejuk dan air panas (sekiranya air panas serta merta dan tidak mendidih) N12.22

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Pemohon hendaklah memperoleh **surat kelulusan** daripada Jabatan Alam Sekitar terlebih dahulu sebelum mengimport/ mengilang/ memasang kelengkapan berasaskan HCFC berdasarkan syarat-syarat berikut:

- a. Pemohon adalah pengilang, pengimport, pempamer, penjual dan pengiklan bagi kelengkapan elektrik yang disenaraikan sahaja;
- b. Permohonan dibuat melalui **sistem e-permit**;
- c. Pemohon wajib mengemukakan sekurang-kurangnya satu lampiran **Laporan Ujian Jenis (Type Test Report), Factory Acceptance Test (FAT) dan/ atau Surat Pengisytiharan (Declaration Letter)** bagi penggunaan, jenis dan kuantiti gas yang digunakan.
- d. Surat Pengisytiharan perlu menggunakan kepala surat (*letterhead*) pengilang untuk mengesahkan maklumat yang digunakan bagi kelengkapan elektrik terlibat.
- e. **Surat Pengisytiharan perlu “Disahkan Benar” oleh wakil syarikat pemohon.**
- f. Laporan Ujian Jenis daripada badan pengujian yang diterima oleh JAS.
- g. Jabatan ini berhak **membatalkan permohonan** sekiranya pemohon didapati tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

4.0 PROSEDUR PERMOHONAN SURAT KELULUSAN

Pemohon hendaklah berhubung dengan Dagang Net Technologies Sdn Bhd (DNT) di talian 1-300-133-133 atau melalui emel carelne@dagangnet.com bagi urusan pendaftaran, tutorial dan manual penggunaan sistem.

5.0 PEMBAHARUAN/ PEMBATALAN

- 5.1 Tempoh sah Surat Kelulusan JAS adalah selama dua belas (12) bulan daripada tarikh kelulusan.
- 5.2 Surat kelulusan JAS tiada pembaharuan seperti COA atau RL Suruhanjaya Tenaga, sekiranya telah tamat tempoh ianya perlu dimohon semula seperti proses biasa.


5.3 Pembatalan permohonan surat kelulusan yang sedang atau telah diproses hendaklah dimaklumkan melalui emel kepada urusetia Pn. Rina Arnida Ahmad (rina@doe.gov.my) atau Cik Nurul Erda Wanie (erda@doe.gov.my).

6.0 PROSEDUR MEMPROSES SURAT KELULUSAN MELALUI SISTEM e-PERMIT

BIL.	TANGGUNGJAWAB	PROSES KERJA	UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA
1.	PKK/ PK/ PPKT/ PPK/ PO	Menerima permohonan secara dalam talian melalui sistem e-permit.	AKAS 1974
2.	PPK/ PO	Proses permohonan dan semak dokumen yang dilampirkan melalui sistem e-Permit dan mengemukakan syor berdasarkan: <ol style="list-style-type: none"> Laporan Ujian Jenis (<i>Type Test Report</i>), <i>Factory Acceptance Test (FAT)</i> dan/ atau Surat Pengisyiharan (<i>Declaration Letter</i>) Setiap lampiran Surat Pengisyiharan yang dilampirkan hendaklah disahkan salinan sebenar. 	AKAS 1974
3.	PKK/ PPKT	Proses permohonan untuk membuat keputusan.	AKAS 1974

7.0 CARTA ALIR

PROSEDUR MEMPROSES SURAT KELULUSAN MELALUI SISTEM e-PERMIT



LAMPIRAN 1

PERMOHONAN SURAT PELEPASAN (RL)

Bil.	JENIS SURAT PELEPASAN	CATATAN
1.	Surat Pelepasan bagi Kelengkapan Kawalan:	
	1.1 Kajian Kilang	Perlu kelulusan JAS
	1.2 Kajian Kualiti	Perlu kelulusan JAS
	1.3 Kegunaan Khas – Pengujian SIRIM	Tidak perlu kelulusan JAS
	1.4 Transit	Tidak perlu kelulusan JAS
	1.5 Import komponen untuk pasaran tempatan	Tidak perlu kelulusan JAS
	1.6 Import komponen untuk 100% eksport	Tidak perlu kelulusan JAS
	1.7 <i>Re-work</i> dan <i>Re-eksport</i>	Tidak perlu kelulusan JAS
	1.8 Konsert	Perlu kelulusan JAS
2.	Surat Pelepasan bagi Kelengkapan Bukan Kawalan di bawah kategori berikut: REFRIGERATOR (N16): <ul style="list-style-type: none">• <i>Refrigerator;</i>• <i>Freezer;</i>• <i>Minibar;</i> dan• <i>Chest Freezer</i> AIR-CONDITIONER (COOLING CAPACITY OF 32,000 BTU/HR AND BELOW) (N30): <ul style="list-style-type: none">• <i>Split Air-Conditioner;</i>• <i>Portable Air-Conditioner;</i> dan• <i>Ceiling Air-Conditioner</i> KETTLE (N12): <ul style="list-style-type: none">• <i>Water Dispenser – Cold;</i>• <i>Water Dispenser – Hot and Cold (if the hot water boils);</i>• <i>Water Dispenser – Hot and Cold (if the hot water does not boils);</i> dan• <i>Water Dispenser – Hot and Cold (if the heater isi instantaneous and the hot water does not boils)</i>	Perlu kelulusan JAS

LAMPIRAN 2

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)–PERMOHONAN SURAT KELULUSAN JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)

Soalan-soalan lazim ini bertujuan untuk memberikan penerangan kepada pertanyaan berkaitan permohonan surat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS)

SURAT KELULUSAN JAS

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Surat Kelulusan JAS?

Surat Kelulusan JAS adalah surat yang dikeluarkan oleh JAS menjadi prasyarat sebelum dibenarkan untuk memohon Perakuan Kelulusan (COA) atau Surat Pelepasan (RL) daripada Suruhanjaya Tenaga.

2. Siapakah yang perlu memohon Surat Kelulusan JAS?

Pemohon adalah pengilang, pengimport, pembamer, penjual dan pengiklan kelengkapan elektrik yang disenaraikan sahaja (rujuk soalan 3).

3. Apakah kategori dan jenis-jenis kelengkapan elektrik yang memerlukan Surat Kelulusan JAS?

Kategori dan jenis-jenis kelengkapan elektrik adalah seperti berikut:-

- i. Peti Sejuk (*Refrigerator*) N16;
- ii. Penghawa Dingin (*Air-Conditioner*) N30; dan
- iii. Penapis Air (*Water Filter*) N12.

4. Bolehkah satu (1) Surat Kelulusan JAS dipohon untuk banyak model?

Tidak. Satu (1) Surat Kelulusan JAS hanya boleh digunakan untuk memohon satu (1) model kelengkapan elektrik sahaja.

5. Bolehkah satu (1) Surat Kelulusan JAS dipohon untuk banyak jenama?

Tidak. Satu (1) Surat Kelulusan JAS hanya boleh digunakan untuk memohon satu (1) jenama kelengkapan elektrik sahaja.

6. Apakah punca kuasa JAS dalam menguatkuasakan pengawalseliaan pengimportan dan pengeluaran Alat Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara Berasaskan Hidroklorofluorokarbon (HCFC)?

Selaras dengan obligasi di bawah Protokol Montreal, Malaysia telah bersetuju untuk mengawal pengimportan, pengeluaran dan pemasangan alat penyejukbekuan dan penyamanan udara yang menggunakan HCFC. Peraturan yang digunakan untuk kawalan tersebut adalah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 2020, HCFC disenaraikan dalam Jadual Kedua sebagai bahan refrigeran yang membahayakan alam sekeliling. Peraturan tersebut juga menyatakan larangan ke atas pengilangan atau pemasangan apa-apa kelengkapan penyamanan udara yang berdasarkan HCFC untuk kegunaan di Malaysia.

7. Adakah kelengkapan elektrik dibawah kategori N12, N16 dan N30 yang menggunakan gas HCFC dan HFC memerlukan surat kelulusan JAS?

Ya, kesemua kelengkapan elektrik di bawah kategori yang disenaraikan dalam soalan 3 memerlukan surat kelulusan JAS.

8. Apakah subkategori bagi peti sejuk yang memerlukan surat kelulusan JAS?

Subkategori bagi peti sejuk di bawah kategori N16 adalah seperti berikut:-

- i. Peti sejuk (*refrigerator*) N16.01;
- ii. Peti sejuk beku (*freezer*) N16.02;
- iii. Peti sejuk bar mini (*minibar*) N16.03; dan

iv. *Chest Freezer* N16.04

9. Apakah subkategori bagi penyaman udara yang memerlukan surat kelulusan JAS?

Subkategori bagi penyaman udara di bawah kategori N30 adalah seperti berikut:-

- i. Penyaman udara jenis pisah (*split type AC*) N30.01;
- ii. Penyaman udara mudah alih (*portable AC*) N30.02; dan
- iii. Penyaman udara siling (*ceiling AC*) N30.03

10. Apakah subkategori bagi penapis air yang memerlukan surat kelulusan JAS?

Subkategori bagi penapis air di bawah kategori N12 adalah seperti berikut:-

- i. Air sejuk N12.17;
- ii. Air sejuk dan air panas (sekiranya air panas mendidih) N12.20;
- iii. Air sejuk dan air panas (sekiranya air panas tidak mendidih) N12.21; dan
- iv. Air sejuk dan air panas (sekiranya air panas serta merta dan tidak mendidih) N12.22.

11. Adakah kelengkapan penyaman udara dengan 2.5 kuasa kuda (25,000 Btu/jam) ke atas perlu memohon surat kelulusan JAS?

Surat kelulusan JAS perlu dipohon bagi kelengkapan penyaman udara dengan 2.5 kuasa kuda (25,000 Btu/jam) dan kebawah sahaja.

12. Apakah kesalahan yang sering dilakukan semasa membuat pemohonan surat kelulusan JAS di dalam talian?

- i. Maklumat bagi model yang dipohon berbeza dengan maklumat yang dinyatakan di dalam lampiran,
- ii. *Refrigerant Charge Quantity* tidak ditukarkan ke unit kilogram (kg); dan
- iii. *Declaration Letter* yang dilampirkan tidak menggunakan kepala surat (*letterhead*) pengilang untuk mengesahkan maklumat gas yang digunakan bagi kelengkapan elektrik terlibat.(spt. jenama, jenis atau model, jenis dan kuantiti gas refrigeran) dan disahkan benar oleh wakil syarikat pemohon.

PROSEDUR PERMOHONAN SURAT KELULUSAN JAS

1. Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan untuk permohonan Surat Kelulusan JAS?

Dokumen-dokumen yang diperlukan adalah: -

- a. Laporan Ujian Jenis (Type Test Report); dan/atau
- b. Surat Pengisyiharan (Declaration Letter) bagi penggunaan, jenis dan kuantiti gas yang digunakan.

2. Apakah standard format Surat Pengisyiharan yang akan dikemukakan oleh pemohon?

Surat Pengisyiharan perlu menggunakan kepala surat (*letterhead*) pengilang untuk mengesahkan maklumat gas yang digunakan bagi kelengkapan elektrik terlibat.(spt. jenama, jenis atau model, jenis dan kuantiti gas refrigeran). **Surat Pengisyiharan perlu disahkan benar oleh wakil syarikat pemohon.**

3. Apakah badan pengujian bagi pengeluaran Laporan Ujian Jenis yang diterima oleh JAS?

- a. SIRIM Berhad / Makmal diakreditasi di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) oleh Jabatan Standard Malaysia (DSM);
- b. Makmal dibawah IECEE CB Scheme;
- c. Makmal diakreditasi oleh APLAC MRA;

- d. Makmal diakreditasi oleh ILAC MRA;
 - e. Makmal yang tersenarai sebagai Designated Testing Laboratory (DTL) dibawah ASEAN EE MRA.
- 4. Bolehkah Laporan Ujian Jenis yang dikeluarkan oleh in-house factory diterima?**
- Penerimaan Laporan Ujian Jenis selain senarai di atas boleh dipertimbangkan oleh JAS, sebagai contoh *Factory Acceptance Test* (FAT) yang dikeluarkan oleh pengilang.
- 5. Berapakah tempoh sah Surat Kelulusan JAS?**
- Tempoh sah Surat Kelulusan JAS adalah selama dua belas (12) bulan daripada tarikh kelulusan.
- 6. Apakah fi atau bayaran yang dikenakan?**
- Tiada sebarang fi atau bayaran yang dikenakan bagi permohonan Surat Kelulusan JAS.
- 7. Berapa lamakah proses permohonan Surat Kelulusan JAS?**
- Sekiranya dokumen yang dihantar adalah lengkap, proses permohonan Surat Kelulusan JAS adalah tidak melebihi lima (5) hari bekerja.
- 8. Bagaimanakah cara untuk memohon pembaharuan Surat Kelulusan JAS?**
- Surat kelulusan JAS tiada pembaharuan seperti COA atau RL ST, sekiranya telah tamat tempoh ianya perlu dimohon semula seperti proses biasa.

9. Bagaimana sekiranya ada pertanyaan lanjut berkenaan prosedur permohonan surat kelulusan JAS?

Jika ada pertanyaan lanjut berkenaan prosedur permohonan surat kelulusan JAS sila hubungi Pn. Rina Arnida (rina@doe.gov.my); 03-8871 2314, En. Muhamad Fadli (mfadli@doe.gov.my); 03-8871 2300 atau Cik Nurul Erda Wanie (erda@doe.gov.my); 03-8871 2344.

**PERMOHONAN PERAKUAN KELULUSAN (COA) DAN SURAT PELEPASAN (RL)
SURUHANJAYA TENAGA**

1. Apakah peranan permohonan COA oleh Suruhanjaya Tenaga dengan Surat Kelulusan JAS?

Pemohon perlu mendapatkan Surat Kelulusan JAS secara atas talian terlebih dahulu yang menjadi pra-syarat sebelum memohon Perakuan Kelulusan (COA) atau RL melalui e-Permit. Tiada perubahan bagi aliran permohonan COA sedia ada di dalam sistem e-Permit.

2. Apakah kelengkapan elektrik yang terlibat bagi permohonan COA ST?

Kelengkapan elektrik yang terlibat adalah:

- i. Peti Sejuk (*Refrigerator*);
- ii. Penghawa Dingin (*Air-Conditioner*); dan
- iii. Penapis Air (*Water Filter*).

3. Apakah jenis permohonan RL yang memerlukan Surat Kelulusan JAS?

Permohonan RL yang memerlukan kelulusan Surat Kelulusan JAS adalah seperti berikut:-

- Bagi Kelengkapan Kawalan (*Regulated*): -
 - i. Kajian Kilang (*Factory Research*)
 - ii. Kajian Kualiti (*Quality Research*); dan

- iii. Konsert.
- Bagi Kelengkapan Bukan Kawalan (*Non-Regulated*): -
 - i. Peti Sejuk (*Refrigerator*);
 - ii. Penghawa Dingin (*Air-Conditioner*); dan
 - iii. Penapis Air (*Water Filter*).